


**MODUL
MEMBACA DAN
MENULIS
BAHASA MELAYU**



KEMAHIRAN MEMBACA DAN MENULIS

Modul ini dibina untuk memperkukuhkan lagi kemahiram membaca dan menulis dikalangan murid Tahun 1. Modul ini boleh dipelbagaikan mengikut kreativiti guru semasa melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Diantara aktiviti yang boleh di jalankan ialah :


- ✓ Murid mengajuk guru atau rakan membaca.**
- ✓ Murid membaca dengan bimbingan guru.**
- ✓ Mruid membaca kemudian menulis semula petikan.**
- ✓ Guru boleh juga menguji murid membuat ejaan . Dimana muriid membaca petikan terlebih dahulu, seterusnya menyalin semula petikan dan guru meminta murid untuk mengeja semula perkataan yang disebut oleh guru.**
- ✓ Guru boleh menguji kefahaman murid dengan bersoal jawab tentang petikan yang dibaca dan mengeluarkan isi tersurat atau isi tersirat berpandukan petikan.**

Semoga sedikit sebanyak modul ini dapat membantu guru-guru menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran dengan lebih baik.

Baca suku kata di bawah dengan sebutan yang betul dan jelas.




bu	ku
buku	




ci	li
cili	




lo	ri
lori	



ro	ti
roti	




to	pi
topi	



ka	yu
kayu	



pa	su
pasu	



me	ja
meja	



ja	ri
jari	


Baca suku kata di bawah dengan sebutan yang betul dan jelas.



o	pah
buku	



u	bat
ubat	




i	kan
ikan	




u	lar
ular	



e	nam
enam	



i	tik
itik	



e	kor
ekor	



o	tot
otot	



a	wan
awan	


Baca suku kata di bawah dengan sebutan yang betul dan jelas.



o	pah
buku	



u	bat
ubat	




i	kan
ikan	




u	lar
ular	



e	nam
enam	



i	tik
itik	



e	kor
ekor	



o	tot
otot	



a	wan
awan	


Baca suku kata di bawah dengan sebutan yang betul dan jelas.



ram	but
rambut	



cer	min
cermin	




ban	tal
bantal	




rum	put
rumput	



dak	wat
dakwat	



man	cis
mancis	



men	tol
mentol	




sam	pan
otot	



kom	pas
kompas	

Baca dengan betul dan jelasny.




Ini jarum.

Hujung jarum sangat tajam.

Pangkal jarum berlubang.

Kakak jahit baju dengan jarum

Baca dengan betul dan jelasny.




Ini lori.

Lori ada empat tayar.

Lori kenderaan darat.

Lori digunakan untuk mengangkut barang.

Baca dengan betul dan jelasny.




Ini unta.

Unta ada empat kaki.

Unta hidup di padang pasir.

Badan unta berwarna coklat.

Baca dengan betul dan jelasny.



Ini gigi.

Kita perlu gosok gigi hari -hari.

Gunakan berus gigi dan ubat gigi semasa menggosok gigi.

Pengalaman di Pasar Raya

Pada hujung minggu yang lalu, Aiman mengikut ibu dan kakaknya ke pasar raya. Setibanya di pasar raya, kakak menolak sebuah troli lalu mereka masuk ke dalam pasar raya itu.

Ibu Aiman memilih barang keperluan mengikut senarai yang telah disediakan. Antaranya minyak masak, gula, beras, tepung, susu kotak dan garam. Semua barangan itu diletakkan di dalam troli.

Selesai memilih barang, kakak dan ibu Aiman beratur untuk membuat pembayaran di kaunter. Mereka membuat pembayaran lalu segera pulang ke rumah.

Aktiviti Keluarga pada Hujung Minggu

Pada hujung minggu yang lalu, Awadah sekeluarga bermain boling di sebuah pusat beli-belah.

Sebelum bermain, mereka menukar kasut dan memakai sarung kaki demi keselamatan. Abang Awadah mengajarnya bermain boling. Awadah berasa seronok apabila berjaya menjatuhkan pin.

Mereka sekeluarga bermain lima pusingan sebelum pulang ke rumah. Awadah berharap agar dapat bermain boling lagi pada setiap hujung minggu.

Kenangan Manis Bersama Keluarga

Pada cuti sekolah yang lepas, Tiya berkhemah bersama-sama keluarganya di Pusat Rekreasi air terjun. Ayah dan abang mendirikan khemah sambil dibantu oleh kakaknya. Tiya pula menolong ibunya menyediakan makanan tengah hari.

Selepas mengisi perut, Tiya dan kakaknya bermandi-manda di sungai. Air sungai di situ sangat jernih. Ayah Tiya mengawasi mereka di tepi sungai. Ibu Tiya pula duduk berehat sambil membaca majalah di tepi khemah.

Perkhemahan itu menjadi kenangan manis untuk Azreen dan keluarganya.

Haiwan Peliharaan Saya

Izwan membela seekor arnab. Arnab peliharaan Izwan bernama Tompok. Bulunya berwarna coklat bertompok putih. Izwan selalu membawa Tompok bermain di taman berhampiran rumahnya.

Makanan kegemaran tompok ialah lobak merah dan sayur kangkung. Tompok akan makan dengan gembira sehingga kenyang.

Walau pun Tompok hanyalah seekor arnab tetapi kehadiran Tompok membuatkan kehidupan Izwan sekeluarga bertambah ceria.

Beriadah di Taman Rekreasi

Setiap hujung minggu, Hana sekerluarga pergi ke Taman Rekreasi Pusat Bandar. Mereka menjalankan pelbagai aktiviti seperti bersenam, berjoging dan berbasikal.

Ibu dan kakak Hana menyewa dua buah basikal. Mereka mengayuh basikal di laluan basikal yang disediakan. Hana dan ayahnya berjoging sambil bersiar-siar di sekitar tasik. Apabila penat, mereka duduk berehat di tepi tasik.

Aktiviti beriadah seperti ini dapat menyihatkan badan dan mengeratkan hubungan kekeluargaan.

Aku Sebuah Peti Pertolongan Cemas

Aku sebuah peti pertolongan cemas. Aku berbentuk segi empat tepat. Aku sangat berguna untuk menyimpan barangan pertolongan kecemasan.

Antaranya seperti kain anduh, pencucui luka, plaster dan gunting. Aku sering digunakan oleh petugas kesihatan. Dia akan memastikan barangan di dalam badanku lengkap dan membawa aku setiap kali ada panggilan kecemasan.

Aku berasa bangga kerana dapat berkhidmat dan membantu manusia.

Malang Tidak Berbau

Hobi Farah, Akhmar dan Hana ialah mengayuh basikal. Suatu hari, Farah dan Akhmar mengajak Hana berlumba basikal di taman permainan.

Hana tidak bersetuju kerana lumba basikal sangat berbahaya. Namun mereka berdua tetap berdegil dan berlumba. Tiba-tiba Farah terlanggar seorang lelaki yang sedang berjoging.

Mujurlah pemuda itu tidak mengalami kecederaan yang serius. Mereka memohon maaf atas kesalahan yang telah dilakukan. Mereka berjanji tidak akan berlumba basikal lagi.

Jiran

Encik Khairul ialah jiran Hana. Pada suatu hari, Encik Khairul dan keluarganya hendak pulang ke kampung.

Sebelum pulang ke kampung, Encik Khairul meminta pertolongan daripada ayah Hana untuk memberi makan kepada ayam peliharaannya. Hana dan ibunya pula menyiram pokok bunga dan membersihkan halaman rumah Encik Khairul.

Dua minggu kemudian, Encik Khairul pulang ke rumah. Dia berterima kasih kepada keluarga Hana kerana menjaga rumahnya dengan baik. Amalan tolong-menolong dalam kehidupan berjiran haruslah di terapkan dalam diri kita.